

## LEMBARAN PENYATAAN PRODUK

<p>Sila baca Lembaran Penyataan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memilih Pembiayaan Invois-i. Sila pastikan anda juga membaca terma dan syarat muktamad di dalam Surat Tawaran ("LO") dan/atau Perjanjian Kemudahan. Anda diingatkan supaya sentiasa mendapatkan nasihat undang-undang bebas. Sila dapatkan penjelasan daripada wakil sah AmBank Islamic Berhad sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma umum yang dinyatakan di sini.</p>	<p><b>AmBank Islamic Berhad</b></p> <p><b>Pembiayaan Invois-i</b></p> <p><b>Tarikh: 01 September 2023</b></p>												
<p><b>1. Apakah yang saya perlu ketahui mengenai produk ini?</b>          Pembiayaan Invois-i ("IF-i") adalah satu kemudahan perdagangan ("Produk" atau "Kemudahan") yang ditawarkan oleh AmBank Islamic ("Bank") untuk membiayai barang dan perkhidmatan yang berkaitan dengan perdagangan, sama ada di bawah jualan atau pembelian dalam Ringgit Malaysia atau mata wang asing. Barang dan perkhidmatan yang berkaitan dengan perdagangan mestilah patuh Syariah.</p>													
<p><b>2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?</b>          Konsep Syariah yang diguna pakai adalah <i>Tawarruq</i> (penjualan tiga pihak), Konsep Syariah <i>Wa'd</i> (janji), <i>Wakalah</i> (perwakilan) dan <i>Murabahah</i> (jualan dengan keuntungan) juga diguna pakai dalam aturan <i>Tawarruq</i> ini.</p> <p><i>Tawarruq</i> merujuk kepada dua kontrak jual beli. Kontrak jual beli pertama melibatkan jualan sesebuah aset oleh penjual kepada pembeli pada bayaran tertangguh. Seterusnya, pembeli dalam kontrak jual beli pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan lani.</p> <p>Aturan urus niaga <i>Tawarruq</i> adalah seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Lanjutan kepada permintaan untuk belian dan akujanji yang dikeluarkan oleh anda, atas permintaan anda, Bank akan membeli komoditi daripada pihak ketiga iaitu pembekal komoditi pada harga kos yang bersamaan dengan jumlah kemudahan.</li> <li>• Sesudah itu, dengan <i>Kontrak Penjualan Murabahah</i> ("MSC"), anda akan membeli dari Bank komoditi pada harga bersamaan dengan kos komoditi tambah dengan keuntungan Bank ("Harga Jualan Aset") dengan bayaran tertangguh. Anda berhak meminta Bank untuk menjual komoditi di pasaran untuk mendapatkan wang tunai atau memilih untuk penghantaran fizikal komoditi kepada anda dengan kos dan perbelanjaan anda sendiri.</li> <li>• Sekiranya anda ingin Bank menjual komoditi di pasaran untuk mendapatkan wang tunai, maka Hasil jualan akan dibayar kepada anda mengikut terma dan syarat kemudahan tersebut.</li> <li>• Dalam melaksanakan peranan anda yang disebut di atas, anda boleh melantik Bank untuk bertindak sebagai ejen anda untuk membeli komoditi bagi pihak anda daripada Bank pada Harga Jualan Aset dan kemudiannya Bank bertindak sebagai ejen anda untuk menjual komoditi tersebut secara tunai kepada mana-mana pihak ketiga dalam pasaran komoditi</li> <li>• Kontrak jualan dan pembelian dalam aturan <i>Tawarruq</i> akan dimeterai sebelum penggunaan Kemudahan.</li> </ul> <p>Jenis komoditi yang digunakan: komoditi patuh Syariah yang didagangkan di platform perdagangan komoditi yang diluluskan oleh Bank.</p>													
<p><b>3. Apakah yang akan saya dapat daripada produk ini?</b></p> <p>(a) Tempoh: sehingga 365 hari          (b) Struktur kadar keuntungan: Tetap (Diukur rujuk sekali kepada Kadar Pembiayaan Asas ("KPA") atau Kos Dana Secara Islam)          (c) Jumlah pembiayaan: Jumlah pembiayaan minimum adalah RM20,000 atau bersamaan dengannya untuk mata wang utama lain per penggunaan          (d) Harga Jualan Aset</p> <p><u>Formula pengiraan Harga Jualan Aset:</u>          Harga Jualan Aset = Harga Belian (Jumlah prinsipal/pembiayaan) + jumlah keuntungan</p> <p><u>Formula pengiraan jumlah keuntungan:</u>          Jumlah Keuntungan = Harga Belian x kadar keuntungan x tempoh / 365*</p> <p>Nota: *Konvensyen kiraan hari hendaklah mengikut tahun lompat dan mata wang yang mendominasi.</p> <p>Ilustrasi:</p> <table border="1" data-bbox="214 1675 1406 1873"> <tr> <td>Harga Belian (Jumlah prinsipal/pembiayaan)</td> <td>RM50,000</td> </tr> <tr> <td>Kadar keuntungan</td> <td>4.5% setahun</td> </tr> <tr> <td>Tempoh</td> <td>90 hari</td> </tr> <tr> <td>Kiraan hari dalam setahun</td> <td>365</td> </tr> <tr> <td>Jumlah Keuntungan</td> <td>RM554.79</td> </tr> <tr> <td>Harga Jualan Aset</td> <td>RM50,554.79</td> </tr> </table>		Harga Belian (Jumlah prinsipal/pembiayaan)	RM50,000	Kadar keuntungan	4.5% setahun	Tempoh	90 hari	Kiraan hari dalam setahun	365	Jumlah Keuntungan	RM554.79	Harga Jualan Aset	RM50,554.79
Harga Belian (Jumlah prinsipal/pembiayaan)	RM50,000												
Kadar keuntungan	4.5% setahun												
Tempoh	90 hari												
Kiraan hari dalam setahun	365												
Jumlah Keuntungan	RM554.79												
Harga Jualan Aset	RM50,554.79												

## LEMBARAN PENYATAAN PRODUK

### 4. Apakah peranan dan tanggungjawab saya?

- Anda dikehendaki melangsaikan Harga Jualan Aset sepenuhnya pada tarikh matang.
- Anda dikehendaki untuk memastikan dana yang mencukupi dalam akaun semasa anda dengan kami untuk mendebit fi dan caj terpakai.
- Anda dikehendaki untuk memastikan had IF-i adalah aktif dan mencukupi untuk penggunaan.

### 5. Apakah yuran dan caj yang dikenakan?

No.	Jenis Fi dan Caj	Tarif
1	Fi perdagangan komoditi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Untuk tempoh pembiayaan 7 ke 21 hari: RM5 untuk setiap RM1 juta transaksi;</li> <li>Untuk tempoh pembiayaan 22 hari dan ke atas: RM6 untuk setiap RM1 juta transaksi</li> </ul> <p><i>atau apa-apa fi broker lain yang dicaj oleh platform perdagangan lain dan dikongsi sama rata antara Bank dan Pelanggan.</i></p>
2	Bayaran SWIFT	Untuk akaun pelanggan <ul style="list-style-type: none"> <li>Di Malaysia: RM20 rata</li> <li>Di luar Malaysia: RM40 rata</li> </ul> Untuk akaun rakan niaga asing - bersamaan USD20
3	Pembayaran RENTAS / GIRO Antara Bank	RM2 rata
4	Pos / Pos Berdaftar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dalam Malaysia: RM5 rata</li> <li>Di luar Malaysia: RM20 rata</li> </ul>
5	Perkhidmatan Kurier	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dalam Malaysia: RM15 rata</li> <li>Di luar Malaysia: Bergantung kepada destinasi</li> </ul>
6	Duti Setem	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seperti terkandung dalam Akta Duti Setem 1949 (Semakan 1989)</li> </ul>

Sebut harga fi dan caj yang dinyatakan adalah tidak termasuk apa-apa cukai, termasuk tetapi tidak terhad kepada, cukai barang dan perkhidmatan, cukai tambah nilai, cukai penggunaan, cukai pengguna, cukai tidak langsung, cukai perkhidmatan, cukai jualan, duti, levi atau apa-apa cukai lain ("Cukai") yang mungkin sekarang atau selepas ini dikenakan Kerajaan Malaysia.

### 6. Bagaimana sekiranya saya gagal melaksanakan tanggungjawab saya?

- Sekiranya anda enggan atau gagal untuk membuat pembelian komoditi tersebut dari Bank selepas Bank bertindak atas permintaan anda, telah menanggung kos membeli komoditi tersebut daripada Pembekal Komoditi, anda perlu bertanggungjawab bagi pelanggaran perjanjian itu dan anda hendaklah memberi pampasan kepada Bank untuk semua kos sebenar yang ditanggung oleh Bank dalam pembelian komoditi, pelupusan komoditi kepada pihak ketiga dan perbezaan antara harga pelupusan dan harga belian (jika ada).
- Sekiranya anda enggan atau gagal melaksanakan kewajipan kewangan atau apa-apa kewajipan lain di bawah kemudahan anda, Bank berhak untuk mengisytiharkan kes ingkar yang mana kemudahan itu akan ditamatkan dan anda hendaklah membayar kepada Bank semua jumlah tertunggak di bawah kemudahan.
- Sebagai tambahan kepada perkara di atas, sekiranya anda enggan atau gagal membayar apa-apa jumlah pembayaran pada tarikh matang, anda hendaklah membayar caj pembayaran lewat ke atas jumlah yang terhutang dan tidak dibayar pada kadar berikut:

No.	Tempoh berkenaan	Kadar Caj Lewat Bayar	Ke atas Amaun
1	Sebelum tarikh matang.	1% setahun dikira atas baki harian.	Baki tertunggak yang dikira dari tarikh pembatalan sehingga penyelesaian penuh baki tertunggak.
2	Selepas tarikh matang	Kadar Semasa Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam ("IIMM") setahun dikira atas dasar baki harian	Baki tertunggak, yang dikira dari tarikh matang sehingga penyelesaian penuh
3	Apabila Bank telah mendapat penghakiman terhadap pelanggan	Pada kadar IIMM setahun yang dikira atas dasar baki harian dari tarikh penghakiman mahkamah sehingga tarikh penyelesaian.	Baki tertunggak (tidak termasuk kos guaman dan caj lewat bayar seperti yang dinyatakan dalam penghakiman), yang dikira dari tarikh penghakiman sehingga penyelesaian penuh jumlah penghakiman.

**Note:**

- Caj lewat bayar tidak boleh dikompaun.
- Jumlah caj lewat bayar tidak boleh melebihi amaun prinsipal tertunggak.
- Caj lewat bayar dan kaedah pengiraan adalah tertakluk kepada perubahan sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia.
- Baki tertunggak merujuk kepada baki prinsipal dan keuntungan diperoleh.

## LEMBARAN PENYATAAN PRODUK

v. Caj lewat bayar adalah kumulatif dan tertakluk kepada tempoh berkenaan.

- (d) Hak untuk tolak-selesai: Bank berhak untuk menggunakan mana-mana baki kredit dalam akaun anda yang dikendalikan dengan Bank untuk menyelesaikan apa-apa pembayaran tunggakan di bawah kemudahan yang memberi notis kepada anda.
- (e) Pihak Bank mempunyai hak untuk memulakan tindakan undang-undang terhadap anda dan penjamin (jika ada) dan/atau mencairkan / menghalang / tebus cagaran yang diberi (jika ada) untuk mendapatkan apa-apa amaun terhutang yang tidak dibayar di bawah Kemudahan. Tindakan undang-undang adalah termasuk dan tidak terhad kepada proses pemuflihan / penggugungan (sekiranya jumlah tertunggak mencapai had tertentu). Kesan terhadap pengadilan muflihs / penggugungan boleh mengakibatkan perbicaraan mahkamah dan perampasan harta anda.
- (f) Tindakan undang-undang yang diambil terhadap anda boleh menjejaskan penarafan kredit yang membawa kepada kredit yang lebih sukar atau mahal.

### 7. Bagaimana sekiranya saya melangsaikan pembiayaan sebelum tempoh matang?

Sekiranya penyelesaian penuh dibuat sebelum tempoh matang, *ibra'* (rebat) ke atas keuntungan tertanggung (keuntungan belum terakru) akan diberikan. *Ibra'* (rebat) yang akan diberikan akan dikurangkan oleh kadar Caj Penyelesaian Awal ("ESC") Bank, yang mana akan dikira berdasarkan formula berikut:

$$ESC = \frac{p \times r \times t}{365}$$

p = Baki prinsipal tertunggak

r = Kadar ESC setahun

t = Nombor hari berbaki dari tempoh kemudahan (atau tempoh keuntungan)

#### Nota:

- i. Amaun ESC keseluruhan tidak akan melebihi baki keuntungan tertanggung.
- ii. Tempoh maksimum untuk pengiraan "t" hanya sehingga 365 hari.
- iii. Tertakluk kepada kadar ESC semasa Bank

### 8. Adakah saya memerlukan perlindungan takaful?

Ya, perlindungan takaful diperlukan dengan secukupnya untuk melindungi asset anda terhadap risiko bahaya. Apabila diperlukan oleh Bank, anda mestilah mengambil perlindungan takaful daripada mana-mana syarikat takaful yang diterima oleh Bank.

### 9. Apakah risiko yang perlu saya tanggung?

#### (a) Kadar Tetap

Produk ini ditawarkan dalam kadar tetap. Oleh itu, pergerakan KPA Bank tidak memberi kesan kepada kadar tetap. Dalam keadaan yang mana kadar semasa adalah lebih rendah daripada kadar tetap yang dipersetujui, anda terikat untuk membayar pada kadar kontrak.

(b) Bank boleh mengambil tindakan undang-undang jika anda tidak melunaskan bayaran anda.

(c) *Anda mungkin terdedah kepada semua risiko turun naik pertukaran mata wang asing, kadaran dan kerugian.*

### 10. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

(a) Seorang penjamin (atau lebih) harus disediakan, jika perlu.

(b) Cagaran harus disediakan jika perlu dan mestilah diterima oleh Syariah.

**Nota:** Syarat di atas bergantung kepada keupayaan kredit anda.

### 11. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya berlaku perubahan pada maklumat peribadi?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Untuk bantuan, anda boleh hubungi / maklumkan secara bertulis kepada Pegawai Perhubungan anda.

### 12. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?

- Jika anda bercadang untuk membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami di:
- Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau mempunyai aduan yang tidak diselesaikan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK di:

AmBank Islamic Contact Centre  
P.O Box No. 12617, 50784 Kuala Lumpur  
Tel: (603) 2178 8888  
Email: [customer-care@ambankgroup.com](mailto:customer-care@ambankgroup.com)

Blok D, Bank Negara Malaysia,  
Jalan Dato' Onn,  
50450 Kuala Lumpur.  
Tel: 1-300-88-5465  
Fax: 03-2174 1515  
Website: [bnlink.bnm.gov.my](http://bnlink.bnm.gov.my)

## LEMBARAN PENYATAAN PRODUK

- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma kepada individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Level 5 & 6,  
Menara Aras Raya  
(Formerly known as Menara Bumiputera Commerce)  
Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2616 7766  
E-mail: [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)

### 13. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Untuk butiran terperinci seperti manfaat dan caj dan yuran produk, anda boleh melayari [www.ambankgroup.com](http://www.ambankgroup.com)

### 14. Produk-produk perdagangan secara Islam yang disediakan:

- |   |  |
|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>Resit Amanah-i</li> <li>Bil Penerimaan-i</li> <li>Pembiayaan Perdagangan Mata Wang Asing-i</li> <li>Pemfaktoran Rekursa Domestik-i</li> <li>Pemfaktoran Sulit-i</li> <li>Pemfaktoran Berturutan-i</li> <li>Penyelenggaraan Lejer Jualan-i</li> <li>Pembiayaan Semula Kredit Eksport-i</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Bil Kredit Perundingan-i</li> <li>Pembelian Bil Keluar-i</li> <li>Surat Kredit-i</li> <li>Jaminan Bank-i</li> <li>Surat Kredit Tunggu Sedia-i</li> <li>Jaminan Perkapalan-i</li> <li>Kutipan Bil Masuk-i</li> <li>Kutipan Bil Keluar-i</li> </ul> |
|---|--|

### PENTING! CAGARAN ANDA MUNGKIN DICAIRKAN SEKIRANYA JADUAL PEMBAYARAN TIDAK DIPATUHI

Maklumat yang diberikan dalam Lembaran Penyataan Produk ini sah dari **01 September 2023** sehingga dikemas kini seterusnya. Sila layari [www.ambankgroup.com](http://www.ambankgroup.com) untuk maklumat terkini.

*Semua pengiraan dan kadar adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Tertakluk kepada terma dan syarat.*

*Penafian: Amaun jaminan sebenar yang akan diberi oleh AmBank Islamic Berhad adalah bergantung pada penilaian kredit anda oleh AmBank Islamic Berhad. Penyampaian Lembaran Penyataan Produk ini kepada anda tidak mewujudkan sebarang kewajipan oleh AmBank Islamic Berhad untuk memberi anda apa-apa kemudahan.*

Saya / Kami mengakui bahawa terma utama kontrak dan tanggungan kewangan saya / kami di bawah produk kewangan ini telah diperjelas dengan secukupnya kepada saya/kami oleh wakil sah AmBank Islamic Berhad.

\_\_\_\_\_  
Nama:

No K/P:

Tarikh:

Atau

Untuk dan Bagi Pihak:

Nombor Pendaftaran:

\_\_\_\_\_  
(Penandatanganan Sah/ Pengarah)

Tarikh: